

Terengganu bakal kibar bendera baru

KUALA TERENGGANU: Terengganu bakal mempunyai reka bentuk bendera baru yang lebih ceria dan bertemakan konsep Islam Hadhari Terengganu Bestari, kata Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Muhtar Abdullah.

Beliau berkata, bagi tujuan itu, satu pertandingan mencipta bendera baru negeri Terengganu yang menawarkan hadiah utama berjumlah RM10,000 serta lima hadiah khas berjumlah RM1,000 setiap satu, diadakan.

"Sebelum ini bendera Terengganu berwarna hitam dan putih yang kelihatan agak malap apabila dikibarkan pada satu-satu majlis. Jadi kita hendak wujudkan satu bendera baru yang lebih ceria berasaskan lapan nilai asas Islam Hadhari serta tiga ciri asas Terengganu Bestari," katanya.

Bercakap kepada pemberita di sini, semalam, Muhtar berkata, bendera baru nanti hendaklah memaparkan kedaulatan, kesultanan dan keagungan Islam di Terengganu.

Orang ramai yang ingin menyertai pertandingan mencipta bendera baru Terengganu itu boleh menyalin cetak borang dari laman web www.terengganu.gov.my

Borang yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat Uru-setia, Pertandingan Reka Cipta Bendera Negeri Terengganu, Tingkat 15, Wisma Darul Iman, 20503 Kuala Terengganu, pada atau sebelum 31 Oktober ini. - Bernama